

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 1 December, 2014 (A)

Syarikat perlu jadi keutamaan

Sejak kebelakangan ini terdapat beberapa insiden yang mana pemegang saham telah memanggil mesyuarat agung bagi mencadangkan penyingkiran pengarah dan menggantikan bariisan pengurusan berikut perbezaan pendapat serta kemelut dalam lembaga pengarah.

Walaupun Peraturan Penyenaraian membekalkan pemegang saham untuk mewujudkan dan menyingkirkan pengarah, kami berpandangan sebarang tindakan sedemikian perlu mengambil kira kepentingan syarikat terlebih dahulu.

Kami berpandangan penyingkiran pengarah harus disandarkan kepada niat yang betul contohnya, sebagai langkah untuk memulihkan syarikat.

Namun pada masa sama, keistimewaan ini tidak boleh disalahgunakan, sehingga boleh memudarati kepentingan syarikat, yang membabitkan perbalahan proksi yang berpanjangan.

Dalam kes MOL Global Inc, sebuah syarikat yang tersenarai di pasaran NASDAQ pihak pengurusan perlu segera menerangkan dengan jelas mengenai peletakan jawatar Ketua Pegawai Kewangannya dan kelewatahan syarikat mengumumkan keputusan kewangan suku ketiganya.

Kerugian besar dalam nilai saham yang dialami oleh pemegang saham minoriti adalah sesuatu yang membimbangkan, mengambil kira kepercayaan yang telah diberikan kepada syarikat dan pelan masa hadapannya yang telah diumumkan semasa tawaran awam per mulaan (IPO) syarikat, baru-baru ini.

Bagi iCapital.biz Bhd yang mengadakar Mesyuarat Agung Tahunannya (AGM) semalam, ia berdepan tekanan tinggi daripada pemegang saham utamanya, City of London Investment Management Co Ltd berkaitan cadangan pelantikan semula salah seorang pengarah syarikat itu.

City Of London Investment, yang man datnya sebagai "pelabur jangka panjang, daripada bukannya pelabur aktivis serta memberitahu bahawa ia tiada sebarang kaitan dengan Laxey Partners", telah menjelaskan kepada kami bahawa mereka mempunyai alasan tersendiri untuk tidak melantik semula pengarah terbabit.

Langkah itu selaras dengan Penyata Tadbir Urus Korporat dan Polisi Pengundian Dana Tertutup mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada pautan http://www.citlon.com/corp_gov_statements.php.



Penulis ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG)